

# APABILA MATA PEN MENJADI MATA PEDANG

**MEDIA bukan sahaja memainkan peranan penting untuk menyebarkan berita, laporan atau maklumat, tetapi mampu membentuk dan mempengaruhi pemikiran khalayak. Peranan media untuk mencorakkan pemikiran sudah lama diakui.**

JIKA tidak, tentu tidak ada negara atau pemimpin yang akan menubuhkan organisasi media dengan menerbitkan akhbar, majalah atau menyediakan saluran televisyen dan radio.

Selepas kewujudan media sosial, hakikat ini lagi tidak dapat dinafikan kerana berbanding dengan media konvensional, media sosial memiliki banyak kelebihan termasuk dari segi kepantasan.

Bagi media, kandungan ialah raja. Untuk lebih tepat, kandungan editorial, iaitu berita, rencana, analisis atau laporan yang disiarkan dan diterbitkan, dapat menentukan besar kecilnya edaran akhbar atau jangkauan khalayaknya. Itulah sebabnya, barisan editorial yang mahir dan berpengalaman luas serta memiliki wawasan amat penting bagi menentukan bahan yang dihidangkan kepada khalayak adalah sesuai dengan cita rasa mereka. Kandungan editorial

yang tidak menepati cita rasa khalayak akan menyebabkan media berkenaan tidak popular atau semakin mengecil saiz khalayaknya.

Berkaitan dengan kandungan editorial, sebenarnya secara langsung membabitkan soal isi dan persembahan. Maksudnya, apakah jenis berita dan laporan yang disiarkan? Adakah berita berkenaan menepati cita rasa kebanyakan pembaca, pendengar atau penontonnya?

Adakah gaya persembahannya menarik? Bagaimanakah pula dengan penggunaan bahasanya? Adakah bahasa yang digunakan menepati kriteria bahasa media, iaitu tepat, persis, langsung, tidak berbelit-belit, dan berupaya menyampaikan mesej asal dengan berkesan?

Setiap media mempunyai agendanya dan agenda media ada kaitan dengan agenda pemilikinya. Media dapat membentuk agenda khalayak menurut dasar dan motif pengendali atau pemilikinya. Kejayaan membentuk agenda khalayak memerlukan agenda komunikasi yang banyak dibantu oleh unsur retorik dalam bahasa kewartawan serta teknik penulisan seperti "pemingkaian" untuk membentuk wacana. Di negara kita, tidak ada pemilik media yang membuka media hanya untuk suka-suka. Mereka menerbitkan media untuk meraih keuntungan dan manfaat yang tidak semestinya dalam bentuk kewangan. Manfaat berkenaan mungkin dalam bentuk membina imej, mendapatkan kuasa atau mempertahankan kuasa atau menyokong pemimpin berkuasa atau yang ingin mendapatkan kuasa. Memang ada media yang diwujudkan sebagai kegiatan perniagaan dengan mendapat pendapatan daripada periklanan.

Berita dan laporan dipersembahkan dengan menggunakan bahasa. Maklumat, fakta dan data yang diperoleh hasil daripada wawancara daripada sumber, kajian atau pemerhatian wartawan dan penulis perlu dipersembahkan dengan menggunakan bahasa. Data, fakta, dan maklumat berkenaan adalah sekadar bahan yang perlu diolah dan diadunkan dengan menggunakan bahasa sebagai alat. Tanpa bahasa, bak bahan untuk membuat sambal, segala fakta, data, dan maklumat tidak akan menjadi apa-apa. Bahasalah yang menjadikannya dapat dipersembahkan dalam bentuk

berita, rencana, laporan, komen atau analisis. Segala bahan untuk membuat sambal jika tidak diadunkan dengan teknik yang betul oleh pembuat sambal yang mahir, tidak akan menjadi sambal yang sedap. Begitulah juga dengan bahan penulisan yang tidak ditulis dengan bahasa yang berkesan.

Hal ini membawa kita kepada persoalan, apakah tujuan semua bahan editorial itu disiarkan? Adakah sekadar memenuhi halaman majalah, akhbar atau sebagainya? Hakikatnya, sesuatu



Berita di hujung jari boleh dicapai pada bila-bila masa.

bahan atau sumber itu diliputi dan diwawancarai kerana tujuan dan sebab tertentu. Daripada pemilihan sumber hingga maklumat yang dipilih, dan kemudiannya diolah memiliki agenda tertentu. Setiap yang dilakukan oleh wartawan, subeditor atau editor memiliki agenda atau mesej tersurat atau tersirat. Dalam kes tertentu, kepentingan bahan editorial itu adalah subjektif sifatnya, banyak bergantung pada pemilik media, wartawan, editor dan tujuan di sebalik penyiaran bahan berkenaan. Bahan yang difikirkan penting tentu ditulis dengan maklumat lengkap, dengan jumlah perenggan yang lebih banyak dan panjang, serta disiarkan di muka hadapan atau pada minit-minit awal siaran berita radio atau televisyen.

Di sebalik semua itu tentunya bahasa. Bahasalah yang menjadi alat penting untuk menentukan perutusan atau mesej dapat disampaikan dengan berkesan atau tidak. Penulis dan editor yang mahir dapat menentukan cara bahan berkenaan dapat dipersembahkan dengan berkesan.


Wartawan dan penulis berpengalaman tidak akan mempersembahkan bahan berkenaan sama seperti wartawan dan penulis yang baru berkecimpung dalam bidang kewartawan dan penulisan. Mereka yang berpengalaman luas tahu akan teknik penulisan yang dapat dimanfaatkan serta unsur bahasa yang dapat digunakan sama ada dalam pemilihan perkataan, frasa, ungkapan ataupun struktur ayat. Bagi laporan, ulasan, komen atau analisis pula, wartawan dan penulis mempunyai banyak pilihan. Mereka dapat memanfaatkan segala unsur retorik dalam penulisan asalkan mereka ada mempelajarinya atau didedahkan kepada teknik retorik berkenaan.

Antara teknik retorik yang dapat dimanfaatkan ialah ungkapan tiga serangkai atau *triad*, perulangan, soalan retorik, soalan tanpa jawapan dan metafora. Sebenarnya, sekurang-kurangnya terdapat 20 teknik retorik yang dapat dimanfaatkan yang bukan sahaja dapat menjadikan bahan yang disampaikan itu menarik dan memiliki estetika, tetapi juga berkesan. Teknik berkenaan perlu dipelajari dengan serius oleh wartawan, penulis dan pengarang yang mahu menulis dengan berkesan dan maju dalam bidang yang diceburinya. Dengan memanfaatkan bahasa media yang sesuai, menarik dan mampu memikat khalayak, akhirnya sudah tentu, tulisan yang dihasilkan dapat mempengaruhi pemikiran pembaca. Pemikiran pembaca dapat dibentuk, dicanai dan dipengaruhi melalui pelbagai unsur bahasa.

Dalam konteks komunikasi, bahasa dijadikan wahana yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dan mesej, termasuk berita dan laporan media. Bahasa media dari segi prinsipnya, perlu mempunyai ciri tertentu, termasuk mudah, langsung, tidak kompleks dan tepat. Ciri ini penting bagi memastikan pembaca faham akan mesej yang disampaikan. Bahasa media perlu menghindari unsur kekaburan dan ketaksaan yang membekankan khalayak. Bahasa media yang sukar difahami yang menyebabkan komunikasi terhalang.

Dalam hubungan ini, Robert Gunning menggariskan 10 prinsip penting penulisan yang jelas. Perunding lebih daripada 100 buah akhbar harian itu, termasuk *The Wall Street Journal*, menyatakan bahawa penulis perlu menulis dengan ayat yang pendek dan tidak berbelit, memilih gaya yang mudah daripada gaya yang kompleks, perkataan biasa, mengelakkan perkataan yang tidak perlu, menggunakan kata kerja, menulis sebagaimana anda bercakap atau berbicara dan menggunakan perkataan atau istilah yang dapat digambarkan oleh pembaca. Prinsip yang diajukan oleh Gunning membabitkan aspek pemilihan kosa kata, pembentukan sintaksis dan gaya yang berkesan. Kaedah dan gaya tertentu perlu disesuaikan dengan genre dan jenis penulisan bagi mencapai maksud dan tujuan asal penulisnya. Anda tidak harus sekadar cuba bermain dengan kata dan bahasa kerana tujuan sebenar anda menulis untuk media bukannya hanya untuk berseronok-seronok.

Sebaliknya, bagi media yang serius dengan pembaca yang serius, berpendidikan dan berstatus tinggi, mereka mahu bahan yang dipersembahkan bukan sahaja menggunakan bahasa standard, tetapi memiliki gaya yang berkesan. Bagi mereka, bahan yang menarik, terkini dan menepati tujuan mereka membeli atau melanggan media berkenaan, perlu disampaikan dengan teknik dan gaya yang berkesan. Mereka begitu mengutamakan kualiti bahasa yang



Terdapat media yang bersikap tidak adil kepada mangsa dan lebih bersimpati pada pelaku. Berita kekerasan seksual, disiarkan dengan memaksimumkan imaginasi seksual sehingga mampu pula menaikkan nafsu pembaca.

digunakan. Tidak keterlaluan dikatakan, mereka membaca sesuatu media bagi mengemas kini pengetahuan dan kemahiran mereka dalam sesuatu bidang. Itulah sebabnya, akhbar mingguan seperti *Malaysian Focus* dan *The Edge* dalam bahasa Inggeris begitu mengambil berat tentang bahan yang disiarkan, kualiti kertas, penggunaan infografik, gambar dan reka letak kandungan editorialnya. Yang tidak kurang pentingnya, perhatikan lenggok dan laras bahasa yang digunakan.

Sesungguhnya, bagi mempengaruhi pembaca, terutama dalam politik, penggunaan bahasa standard dengan memanfaatkan teknik propaganda, unsur jalinan penulisan dan teknik

retorik tertentu amatlah penting untuk memenuhi agenda editorial pemilik atau editornya. Ingat, bahan yang disiarkan atas sebab tertentu dan sebab tertentu itu ada kaitan dengan motif dan agenda penyiarannya. Adakah untuk menaikkan atau menjatuhkan imej subjek? Menaikkan reputasi organisasi atau mempengaruhi pengundi atau pembeli? Bahasa dalam komunikasi politik termasuklah bahasa yang penuh makna, gaya dan maksud. Tujuan akhirnya adalah untuk kemenangan dan kuasa. Ya, memang bahasa media dapat menentukan, membentuk dan mempengaruhi pemikiran khalayak. Di tangan penulis yang mahir, segala bahan dapat dihidangkan dengan begitu profesional sebagaimana tukang masak berpengalaman dapat memasak dan menghidangkan masakannya dengan begitu menarik sehingga kemudiannya mendapat pujian ramai.

Wartawan dan media sedapat mungkin cuba menggunakan kosa kata yang sesuai untuk menggambarkan sesuatu peristiwa dan kejadian. Para wartawan dan editor mempunyai kuasa penuh untuk memilih kosa kata dan ayat ketika mengolah ayat berdasarkan data, maklumat dan fakta yang diperoleh daripada sumber. Sebenarnya, kosa kata, ayat dan laras bahasa yang digunakan itu sering meninggalkan imej dan kesan tertentu terhadap persepsi dan minda khalayak. Imej, persepsi, tanggapan dan kesan yang timbul dalam imaginasi dan pemikiran pembaca ditentukan oleh kosa kata, ungkapan dan ayat yang digunakan oleh wartawan. Media mempunyai pilihan sama ada untuk merosakkan ataupun memperkaya, memperindah atau memantapkan bahasa.

Dalam hubungan dengan penggunaan bahasa bagi mengungkapkan kejadian bersifat kekerasan, misalnya dalam kes pembunuhan dan kegiatan jenayah lain, didapati bahawa terdapat kecenderungan tertentu dalam kalangan media. Kejadian kekerasan merupakan tindakan yang menguasai dan memaksa pihak yang menjadi sasarannya. Penjenayah akan memaksa

mangsa untuk tunduk terhadap keinginan dan kemahuaannya, termasuk dengan menggunakan senjata. Malah, ada yang sampai membunuh dengan kejam dan tidak berperikemanusiaan, dengan tujuan untuk memastikan riwayat mangsa ditamatkan; jika tidak identitinya akan diketahui oleh mangsa, dan dia akan ditangkap polis untuk dibawa ke muka pengadilan.

Kekerasan sebagai perilaku hegemoni destruktif, menggunakan bahasa untuk dirakamkan, dilaporkan dan disiarkan melalui media massa yang mempunyai jangkauan khlayak yang luas dan pelbagai.

Terdapat media yang bersikap tidak adil kepada mangsa dan lebih bersimpati terhadap pelaku. Berita kekerasan seksual, disiarkan dengan memaksimumkan imaginasi seksual sehingga mampu pula menaikkan nafsu pembaca. Media melakukan kekerasan seksual melalui laporan berita kekerasan seksual. Hal ini lebih menonjol dalam akhbar tabloid dan majalah sensasi yang memberikan tumpuan berita jenayah, seks dan berita yang cenderung memenuhi selera rendah pembaca.

Sikap tidak empati terhadap korban, dan bias terhadap pelaku tampak jelas pada berita yang menyalahkan korban dan menyatakan simpati pada pelaku. Apatah lagi perempuan korban diberikan stigma sebagai perempuan liar. Berita tentang pemerkosaan kadangkala disiarkan dengan judul yang kurang sesuai. Misalnya, dalam berita itu dinyatakan perempuan yang menjadi mangsa berkulit kuning langsung, bertubuh montok dan berpakaian seksi dan ketat.

Pelapor berita seperti itu menjadikan perempuan tersebut korban untuk kali kedua. Yang pertama, dia menjadi korban kekerasan fizik pemerkosa dan yang kedua, dia menjadi korban penulisan disebabkan dia berkulit kuning, bertubuh montok dan berpakaian seksi.

Berdasarkan kajian oleh Winarko pada tahun 2000 terhadap fenomena pemerkosaan dalam kewartawanan



**Berita sensasi boleh menimbulkan perasaan "gelisah" dalam kalangan pembaca.**

akhbar, *Kedaulatan Rakyat* dan *Suara Merdeka* di Indonesia, didapati bahawa terdapat kecenderungan untuk menggunakan 22 kosa kata bagi menggantikan "rogol" dan "perkosan". Kata-kata itu ialah merengut, kegadisan, mencabul, menggauli, menggagahi, menakali, dianui, dikumpuli, menipu luar dalam, digilir, dinodai, digarap, dihamili, korban cinta paksa, dipaksa berhubung intim, berbuat tidak senonoh, memaksa bersetubuh, korban kuda-kudaan, memaksa memenuhi nafsu berahi, dipaksa melayani, melakukan perbuatan tak susila, digelandangi dan dipaksa melakukan permainan ibu-ibuan.

Sebenarnya, kesan media, khususnya bahasa media kewartawanan kepada khlayak atau orang ramai dapat dilihat dari segi kognitif, perasaan dan tingkah laku. Kata-kata dan bahasa dapat melembutkan perasaan atau membangkitkan kemarahan pembaca sehingga mereka sanggup berkelahi, berperang atau bermusuhan. Media dapat menghaluskan atau mengasaskan penggunaan perkataan dan dengan sendirinya, penggunaan unsur tersebut akan meninggalkan imej dan kesan lembut dan keras kepada khlayak. Maksudnya, penggunaan perkataan, ungkapan dan ayat dapat membentuk serta mempengaruhi pemikiran khlayak.

Kandungan media merupakan cerminan kejadian yang berlaku dalam masyarakat realiti melalui pelbagai mekanisme, termasuk penggunaan

bahasa. Tingginya kekerapan kejadian keras menyebabkan tingginya kekerapan penggunaan bahasa keras melalui media. Hal ini dikatakan demikian kerana media hanya melaporkan dan merekonstruksi realiti sosial. Hakikatnya, bahasa dapat digunakan sebagai "senjata tajam" untuk menyerang musuh, seperti kata pepatah, "kata-kata lebih tajam daripada mata pedang". Senjata tajam dalam bentuk bahasa media akan dapat menentukan reaksi pembaca terhadap tulisan berkenaan. Melalui media sosial, emosi pembaca atau warga siber mudah dibangkitkan melalui penggunaan bahasa.

Cuba bangkitkan sentimen kaum tertentu dengan menggunakan label tertentu. Bahasa media yang menyinggung perasaan akan mudah membakar emosi kaum yang menjadi sasaran. Orang menghasut dengan menggunakan bahasa. Bahasa hasutan dapat membakar semangat perkauman atau penganut agama tertentu. Lihat reaksi mereka yang menjadi sasaran tulisan berkenaan. Kita lihat di negara ini apabila sentimen perkauman dibakar dengan mudah hanya kerana ada penulis di media sosial yang tidak bertanggungjawab dan tidak berhati-hati dengan menggunakan bahasa yang tidak dihalusi. Mereka membuat komentar tertentu dengan menggunakan bahasa kasar, keras dan tidak wajar sehingga pembaca daripada kaum lain yang menerimanya

berasa dihina, diperlekeh, diinjak-injak dan sebagainya. Jadi, siapa kata bahasa media tidak mampu membentuk pemikiran khalayak? Sebenarnya, bahasa media dapat menenangkan, mendamaikan atau mencetuskan konflik dalam kalangan khalayak yang membaca bahan editorial yang disiarkan.

Pelajar retorik tentu tahu, satu elemen penting yang dapat dimanfaatkan dalam penulisan ialah "pathos". Pathos berkaitan dengan emosi dan cara emosi dimainkan, dieksploitasi atau dimanipulasi. Penggunaan diksi, ungkapan, metafora dan aspek tertentu yang bersifat dramatik tentu akan memberikan kesan kepada khalayak. Media memberikan kesan dan pengaruh terhadap perasaan dan tindak balas emosi khalayak apabila menerima mesej, maklumat atau fakta tertentu daripada media. Bahasalah yang menjadi senjata ampuh untuk membangkitkan emosi marah, sedih, murung, gembira, teruja, bimbang dan takut. Itulah sebabnya pakar bahasa, komunikasi dan kewartawanan sering berpesan supaya berhati-hati ketika menggunakan bahasa. Bukankah mata pena lebih tajam daripada pedang? Kalaulah bahasa media tidak berkesan, tidak akan ada orang yang mengheret wartawan dan media ke mahkamah kerana fitnah yang merosakkan imej dan reputasi individu atau organisasi berkenaan. Hal ini membuktikan, sememangnya bahasa media dapat mempengaruhi pemikiran, sikap, emosi dan pendirian orang ramai.

Melalui kekerasan bahasa lisan dan tulisan yang disampaikan melalui media, emosi dan mental mereka yang menjadi sasaran akan tercedera, berbanding dengan kekerasan fizikal yang menyebabkan kecederaan fizikal dan kematian. Sebagai alat komunikasi, bahasa dapat digunakan sebagai wahana untuk merakamkan dan melaporkan peristiwa dan kejadian kekerasan dalam masyarakat. Namun demikian, dalam hal ini, perkara penting yang perlu diberikan perhatian ialah usaha perlu dilakukan untuk tidak menggunakan bahasa keras bagi mengelakkan tindakan berbentuk kekerasan. Ingat, bahasa keras dengan



**Media mempunyai pengaruh yang kuat terhadap seseorang individu, terutama tokoh tertentu untuk menjaga reputasi mereka.**

label negatif hanya akan mengundang kesan negatif!

Sememangnya, media termasuk media sosial ketika ini, menjadi tulang belakang dalam sistem demokrasi dan pemerintahan sesebuah negara. Media mempunyai kuasa dan pengaruh kuat dan besar terhadap individu, khalayak dan institusi masyarakat. Menyedari hakikat itulah kerajaan atau individu dan tokoh tertentu sanggup berkorban untuk menerbitkan media walaupun terpaksa menanggung kerugian kewangan. Kerugian kewangan dapat diimbangi dengan imej, kuasa dan pengaruh yang dapat dibentuk dan diraih daripada bahan yang disiarkan.

Mesej komunikasi yang disampaikan oleh media melalui penggunaan bahasa yang berkesan, bukan sekadar memberikan maklumat dan fakta kepada khalayak atau orang ramai yang menjadi sasarannya, tetapi juga mampu membentuk dan mengubah pendapat umum serta mempengaruhi pendirian mereka. Inilah tujuan utama penyiaran berita dan laporan terutama analisis melalui media. Media sebagai satu bentuk sistem sosial mampu mengubah dan membentuk sikap, tingkah laku dan pendirian khalayak. Pembentukan

pendapat umum mudah dilakukan melalui penggunaan teknik propaganda dan teknik dan unsur bahasa tertentu yang hanya dikuasai dan diketahui oleh wartawan dan penulis yang berpengalaman dan mahir.

Kandungan mesej dalam media dapat meningkatkan kesan apabila mesej berkenaan menarik, unik, terbaharu dan disampaikan dengan bahasa yang menepati ciri penulisan yang berkesan. Teknik propaganda, retorik dan unsur jalinan penulisan dalam bahasa dapat menampilkan mesej yang di sebaliknya terselubung agenda tertentu dengan memanfaatkan alat yang terdiri daripada unsur bahasa yang sesuai dengan bidang kewartawanan dan penulisan.

Bahasa media ialah senjata tajam dan ampuh yang dapat digunakan untuk menyerang fikiran dan perasaan khalayak. Jika segala teknik dan unsur berkenaan dimanfaatkan sebaik mungkin, pasti bahasa media dapat membentuk dan mempengaruhi aspek kognitif, emosi dan perlakuan khalayak sasarannya sekali gus dapat memenuhi agenda dan motif penyiaran bahan editorial berkenaan melalui sesuatu media. **PB**